

Headline **Pharmaniaga galak vendor**  
Date **23. Jul 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **27**  
Article Size **121** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **1556.26**



## Pharmaniaga galak vendor

**P**HARMANIAGA Bhd (Pharmaniaga), syarikat penjagaan kesihatan terbesar Malaysia, akan membuka lebih peluang kepada pengilang serta pengeluar produk dan alat perubatan tempatan meluaskan pasarnya di peringkat global.

Pharmaniaga berperanan sebagai nadi membekalkan sebahagian besar ubat-ubatan dan peralatan kepada Kementerian Kesihatan.

Pengarah Pengurusan Pharmaniaga, Mohamad Abdullah berkata, langkah berkenaan dapat dicapai berikutan pihaknya kini menumpukan ke-

pada vendor di bawah naungan syarikat yang terdiri daripada pengilang farmaseutikal dan alatan yang dibekalkan Pharmaniaga.

Beliau berkata, vendor menghasilkan ubat-ubatan atau produk yang disenarai sebagai Senarai Harga Produk Yang Diluluskan (APPL) iaitu senarai ubatan dan alat yang paling kerap digunakan dalam kuantiti yang besar.

“Untuk mencapai matlamat itu, pihak kami menganjurkan anugerah kepada vendor agar mereka sentiasa menghasilkan produk yang terbaik agar dapat meluaskan pasa-



**CEMERLANG...** Liow (tengah), Mohamad (tiga dari kiri) dan Azman (tiga dari kanan) bersama pemenang Anugerah Vendor Cemerlang.

ran mereka di peringkat global,” katanya selepas majlis Anugerah Vendor Cemerlang Pharmaniaga, di Subang Jaya, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai. Hadir sama, Pengerusi Pharmaniaga, Datuk Azman Yahya.